

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SEMPENA LAWATAN RASMI KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE KEMENTERIAN
PERTANIAN
Lokasi :
Tarikh : 14-03-1997

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian, terutamanya Dato' Ahmad Zabri Ibrahim di atas usaha dan persediaan untuk menerima lawatan saya pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertanian di atas kejayaan mempelopori projek Rangkaian Maklumat Pertanian atau Agrolink sebagai satu kaedah ke arah meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan merealisasikan konsep Electronic Government.

2. Perubahan yang berlaku dalam bidang teknologi maklumat masakini begitu pesat dan menyeluruh.

Kepelbagaian dan kapasiti dalam penggunaannya juga tidak terbatas, sepertimana yang dikenalpasti oleh Kerajaan melalui tujuh 'flagship applications' di bawah pembangunan Koridor Raya Multimedia. Penubuhan Koridor Raya Multimedia adalah bukti jelas tentang kesungguhan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan teknologi maklumat yang unggul dirantau ini. Komitmen ini di tegaskan oleh YAB Perdana Menteri, iaitu: '...kita tidak harus berpuas hati dengan semata-mata menjadi pengguna. Kita perlu meningkatkan keupayaan untuk bukan sahaja membangunkan sendiri teknologi ini tetapi sebagai pembekal aplikasinya...' Oleh itu, kita di Perkhidmatan Awam hendaklah berusaha mendukung aspirasi murni kepimpinan negara agar potensi bidang teknologi maklumat ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya melalui latihan, penyelidikan dan pembangunan yang teliti dan teratur. Dalam konteks ini, setiap kakitangan awam harus dibekalkan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dalam penggunaan komputer dan peralatan elektronik pejabat yang lain agar kemampuan Perkhidmatan Awam kita seiring dengan arus perubahan maklumat teknologi masa kini.

3. Usaha melaksanakan Agrolink membuktikan kemampuan Kementerian Pertanian dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih berorientasikan pelanggan. Penggunaannya akan meningkatkan hubungan atau connectivity bukan sahaja dengan orang awam malah di antara agensi yang memudahkan perkongsian maklumat dan penyelarasan. Homepage yang sedia wujud di beberapa Kementerian dan jabatan Kerajaan juga merupakan pintu penting kepada usaha memperluaskan penyebaran maklumat kepada pelanggan dalam dan luar negeri. Penggunaan hard-copy juga dapat dikurangkan dan sedikit demi sedikit urusan pentadbiran dapat di juruskan ke arah paperless bureaucracy. Secara langsung perkhidmatan seperti ini dapat memenuhi kehendak berbagai jenis pelanggan yang semakin hari semakin canggih serta bilangannya yang meningkat.

4. Secara amnya Agrolink boleh dianggap sebagai langkah awal ke arah mewujudkan aliran perhubungan yang aktif, khususnya di antara Kementerian dengan rakyat dan masyarakat perniagaan, perhubungan dalaman di antara Kementerian dengan agensi dan jabatan di bawahnya dan di Kementerian sendiri; serta perhubungan dengan kementerian-kementerian lain. Saya percaya perkhidmatan melalui Agrolink akan dapat terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan menepati konsep Electronic Government. Di samping itu, pengenalan kaedah Agrolink berupaya mempelbagaikan lagi cara-cara mengadun penggunaan teks, grafik, animasi, audio dan video agar perkhidmatan yang diberi dapat menaikkan imej Kementerian di samping memuaskan pelanggannya.

5. Pewujudan Agrolink untuk dikongsi bersama dengan organisasi-organisasi di bawah Kementerian Pertanian melambangkan kerjasama yang rapat antara agensi-agensinya. Dalam perkara ini, Kementerian Pertanian telah menunjukkan keupayaan untuk mengintegrasikan agensi-agensi di bawahnya dalam penggunaan teknologi maklumat ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti serta perkhidmatan kepada orang awam. Tahniah juga kepada Kementerian Pertanian yang telah mengambil tindakan-tindakan ke arah menjayakan Electronic Government berkat usahanya sendiri tanpa menggunakan pakarunding, serta mampu mendapat pengiktirafan dari luar dan dalam negeri.

6. Saya harap dengan penubuhan Pusat Maklumat Setempat Berelektronik di Kementerian Pertanian, akan meransang usaha ke arah menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam dan

seterusnya meningkatkan lagi tahap kualiti dan produktiviti Perkhidmatan Awam keseluruhannya.